

11/10/1997

Dr M mampu selesai krisis mata wang

GUA MUSANG, Jumaat - Semua pihak tidak perlu bimbang dengan masalah ekonomi negara termasuk krisis mata wang dan kejatuhan pasaran saham kerana masalah itu boleh diselesaikan dengan menyerahkannya kepada kebijaksanaan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri mempunyai strategi tertentu untuk menyelesaikan krisis itu dan keadaannya juga semakin beransur pulih.

Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, berkata seperti ditegaskannya sebelum ini masalah yang dihadapi negara sekarang bersifat sementara dan boleh diselesaikan.

Menurutnya, beliau bagi pihak MCA sebagai anggota komponen BN menyokong dan berdiri teguh di belakang Perdana Menteri dalam menangani masalah itu.

"Perdana Menteri seorang yang bijak, berpengalaman dan mempunyai idea yang sudah tentu membawa kejayaan tetapi semua rakyat berbilang kaum perlu memberi sokongan kuat terhadapnya.

"Kita percaya Perdana Menteri mempunyai kebijaksanaan yang dikagumi seluruh rakyat untuk mengatasi masalah dan sama-samalah kita memberi sokongan sepanjang masa," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita demikian selepas jamuan makan malam sempena sambutan hari ulang tahun ke-48 MCA Kelantan yang diadakan di dewan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina di sini, malam tadi.

Hadir sama Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Dr Fong Chan Onn; Ahli Parlimen Gua Musang, Tengku Razaleigh Hamzah; dan Timbalan Pengerusi Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (Kesedar), Datuk Mohd Rozali Isohak.

Dr Ling yang juga Menteri Pengangkutan berkata, setiap rakyat tidak seharusnya melupakan jasa dan sumbangan Perdana Menteri sebelum ini yang banyak membawa kemajuan sehingga membantu meningkatkan taraf hidup rakyat keseluruhannya.

(END)